

Pesilat Cina curi tumpuan

Firdaus Hashim

firdaushashim@hmetro.com.my

Batu Pahat: Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri terus mencuri tumpuan di hari kedua apabila menyaksikan beberapa pesilat berbangsa Cina mula menunjukkan taring mereka di Square One Shopping Mall, di sini semalam.

Silat yang lebih sinonim dengan masyarakat Melayu kini tampil berbeza selepas pesilat Politeknik Shah Alam, Goh Weh Hai (*gambar*) yang bertanding dalam acara tanding putera kategori B bawah 50 kg (kilogram) mengakui bersedia mencabar pesilat lain.

“Saya memang meminati silat sejak kecil kerana tertarik dengan kesenian langka-haynya. Saya mula menyertai pasukan silat sejak mendaftar di Politeknik Shah Alam.



YONG Kang (kanan) ketika bersaing dengan pencabarnya semalam.

“Saya menjalani latihan tiga bulan sebelum bertanding pada kejohanan kali ini dan bersedia membuat kejutan,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bagi Loh Yong Kang yang mewakili Universiti Malaysia Pahang (UMP), dia berkongsi rasa gembira kerana dapat menyertai kejohanan itu dan berharap mampu menyerlah

pada penyertaan pertamanya.

“Saya dapat pengalaman baru apabila turun beraksi menentang pesilat lebih berpengalaman yang juga

pemenang pingat emas Sukan Universiti ASEAN (AUG) walaupun persiapan kali ini agak singkat,” katanya yang bertanding dalam acara tanding putera



bawah 70kg.

Menurut Setiausaha Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merangkap penasihat kejohanan, Hazally Jali, pertandingan itu antara medium terbaik bagi mencungkil bakat baru terutama bangsa berbeza untuk diketengahkan bagi mewakili negara di kejohanan antarabangsa yang lebih besar selepas ini.

“Saya yakin kejohanan ini mampu mencapai matlamat dalam melahirkan atlet silat kebangsaan. Kejayaan ini hasil kerjasama erat KPT bersama UTHM (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia) serta dibantu PESAKA (Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia),” kata Hazally.